

13 APR 1996

Mahathir-Lesen

PENGELUARAN LESEN BARU SENJATA API DIBEKUKAKAN DI SELURUH NEGARA

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Pengeluaran lesen-lesen baru bagi memiliki senjata api telah dibekukan di seluruh negara untuk satu tempoh yang belum ditetapkan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, keputusan membekukan pengeluaran lesen-lesen baru itu dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri baru-baru ini berikutan terlalu ramai orang yang memiliki lesen berkenaan tidak menjaga senjata api masing-masing sehingga menyebabkan kehilangan.

"Kadang-kala kita terlalu relax (longgar) sangat, banyak orang kehilangan senjata. Jadi kita nak tentukan orang yang layak sahaja mendapat lesen itu," katanya ketika ditanya pemberita selepas melancarkan Program Jayawaris anjuran Biro Tata Negara, Jabatan Perdana Menteri di Pusat Islam, di sini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata arahan pembekuan itu dikeluarkan selepas penangkapan ahli perniagaan Sabah, Datuk Alfred Chin, di Taiwan kerana disyaki terbabit dengan kegiatan menyeludup senjata api secara haram ke negara itu.

Polis Malaysia mengesahkan bahawa senjata api itu diseludup dari Kota Kinabalu, Sabah berikutan penangkapan bekas jaguh menembak negara, Vincent Teo, yang sudahpun dijatuhkan hukuman penjara berjumlah tiga bulan dan denda RM2,000 untuk tiga kesalahan menjual senjata api secara haram.

Pejabat Peguam Negara, melalui Peguam Kanan Persekutuan Nurchaya Arshad, telah mengemukakan rayuan di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu terhadap hukuman itu semalam, yang dijatuhkan Mahkamah Majistret Kota Kinabalu pada 2 April lepas, atas alasan ia tidak mencukupi.

Teo, 50, mengaku bersalah menjual 23 pucuk pistol dan lapan laras shotgun kepada Chin yang tidak mempunyai lesen atau permit memiliki senjata api mengikut Akta Senjata Api 1960.

Dr Mahathir, ketika ditanya pemberita sama ada pengeluaran lesen memiliki senjata api di negeri Sabah mungkin turut melibatkan orang politik, berkata perkara itu perlu ditangani dengan cara yang lebih berkesan.

"Setakat ini saya tidak tahu berapa banyak senjata terdapat di Sabah. Kita perlu mengadakan satu tindakan, operasi barangkali, untuk menentukan senjata tidak dimiliki oleh sesiapa yang tidak mendapat izin daripada kerajaan," katanya.

Khamis lepas, Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor mengarahkan sepasukan pegawai polis dari Bukit Aman supaya menyoal kemungkinan pegawai kanan dan kakitangan Ibu Pejabat Daerah Polis Kota Kinabalu terbabit dengan sindiket menjual senjata api secara haram.

Ketika ditanya pemberita sama ada mereka yang terlibat itu akan dikenakan tindakan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Dr Mahathir berkata, keputusan hanya akan dibuat selepas polis menyelesaikan siasatan. -- BERNAMA

AH NMO